

COZAAR® XQ®

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Amlodipine camsylate/losartan kalium (5/50 mg, 5/100 mg) tablet

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan COZAAR XQ
2. Bagaimana COZAAR XQ berfungsi
3. Sebelum mengambil COZAAR XQ
4. Cara menggunakan COZAAR XQ
5. Semasa menggunakan COZAAR XQ
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan COZAAR XQ
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan COZAAR XQ

COZAAR XQ ialah gabungan sejenis antagonis reseptor *angiotensin II* (*losartan*) dan penyekat saluran kalsium (*amlodipine*).

COZAAR XQ boleh digunakan untuk menurunkan tekanan darah yang tinggi (hipertensi) pada orang dewasa apabila satu jenis ubat untuk menurunkan tekanan darah yang tinggi tidak mencukupi.

Mengapakah doktor memberi saya preskripsi COZAAR XQ?

Doktor telah memberi anda preskripsi COZAAR XQ kerana anda menghidap hipertensi (tekanan darah yang tinggi).

Bagaimanakah COZAAR XQ berfungsi

COZAAR XQ bertindak dengan mengembangkan salur darah anda untuk memudahkan jantung mengepam darah ke semua bahagian tubuh anda. Ini membantu dalam menurunkan

tekanan darah yang tinggi.

Maklumat Untuk Pesakit Yang Menghidap Tekanan Darah Yang Tinggi

Apakah tekanan darah?

Tekanan yang dihasilkan apabila jantung mengepam darah ke seluruh badan digelar tekanan darah. Tanpa tekanan darah, darah tidak akan mengalir di dalam badan anda. Tekanan darah yang normal ialah sebahagian daripada kesihatan yang baik. Tekanan darah anda akan berubah-ubah bergantung pada gerak kerja jasmani, tekanan jiwa dan perasaan.

Tekanan darah anda terdiri daripada dua angka, misalnya 120/80. Nombor yang di atas mengukur daya semasa jantung anda mengepam. Nombor yang di bawah mengukur daya semasa jantung tidak mengepam, iaitu antara setiap degupan jantung.

Apakah tekanan darah yang tinggi (atau hipertensi)?

Anda menghidap tekanan darah yang tinggi atau hipertensi jika tekanan darah anda kekal tinggi walaupun anda tenang dan berkeadaan rehat. Tekanan darah yang tinggi timbul apabila salur darah menjadi tegang lalu menyukarkan pengaliran darah.

Bagaimanakah saya tahu sama ada saya menghidap tekanan darah yang tinggi?

Biasanya tekanan darah yang tinggi tidak menimbulkan gejala. Satu-satunya cara untuk mengetahui bahawa anda menghidap hipertensi ialah dengan mengetahui tekanan darah anda. Atas sebab itu, andaharuslah memeriksa tekanan darah anda secara tetap.

Mengapakah tekanan

darah yang tinggi harus dirawat?

Jika tidak dirawat, tekanan darah yang tinggi boleh merosakkan organ-organ penting seperti jantung dan ginjal (buah pinggang). Anda mungkin berasa sihat dan tidak mengalami gejala, tetapi akhirnya hipertensi boleh menyebabkan strok (angin ahmar), serangan jantung, kegagalan jantung, kegagalan ginjal atau buta.

Bagaimanakah tekanan darah yang tinggi harus dirawat?

Apabila tekanan darah yang tinggi didiagnosis, rawatan selain ubat mungkin disyorkan. Doktor mungkin mengesyorkan beberapa perubahan gaya hidup. Doktor mungkin mengambil keputusan bahawa anda juga memerlukan ubat untuk mengawal tekanan darah anda. Tekanan darah yang tinggi boleh dirawat dan dikawal dengan memakan ubat seperti COZAAR XQ.

Doktor akan memberitahu anda tekanan darah anda yang sepatutnya. Ingatlah angka ini dan ikutilah nasihat doktor tentang cara mencapai sasaran ini.

Bagaimanakah COZAAR XQ merawat tekanan darah yang tinggi?

Ramuan losartan di dalam COZAAR XQ menurunkan tekanan darah dengan menyekat bahan yang digelar angiotensin II secara khususnya.

Angiotensin II biasanya menyempitkan salur darah. Rawatan dengan losartan akan mengendurkan salur darah.

Ramuan *amlodipine* di dalam

COZAAR[®] XQ[®]

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Amlodipine camsylate/losartan kalium (5/50 mg, 5/100 mg) tablet

COZAAR XQ menurunkan tekanan darah dengan menyekat

ion kalsium daripada memasuki sel-sel dinding salur darah dan sel-sel jantung secara khususnya. Aliran ion kalsium ke dalam sel-sel tersebut akan menyebabkan salur darah mengecut.

Amlodipina akan mengendurkan salur darah. Walaupun doktor boleh memberitahu anda sama ada ubat ini berkesan dengan mengukur tekanan darah anda, namun anda mungkin tidak akan merasakan sebarang perubahan semasa memakan COZAAR XQ.

Bagaimanakah boleh saya mengetahui lebih lanjut tentang COZAAR XQ dan penyakit saya?

Anda boleh mendapatkan maklumat selanjutnya daripada doktor ataupun ahli farmasi kerana mereka ada maklumat yang lebih terperinci tentang penyakit anda dan tentang COZAAR XQ.

Sebelum mengambil COZAAR XQ

Bila tidak boleh mengambil
Jangan makan COZAAR XQ jika anda alah terhadap mana-mana bahannya.

Sebelum mula mengambil
Beritahulah doktor atau ahli farmasi yang anda jumpa itu tentang apa-apa masalah kesihatan yang sedang atau yang pernah anda hidapi, dan tentang apa-apa alergi (alahan).
Beritahulah doktor jika anda baru-baru ini mengalami muntah-muntah atau cirit-birit yang teruk. Penting agar anda memberitahu doktor jika anda menghidap penyakit hati, ginjal, atau jantung.

Beritahu doktor jika anda sedang menggunakan ubat-ubat lain yang boleh meningkatkan aras kalium di dalam serum (lihat bahagian ***Jika mengambil ubat-ubat lain***).

Jika mengambil ubat-ubat lain
Pada umumnya, COZAAR XQ tidak bersaling tindak dengan makanan atau ubat lain yang anda makan. Walau bagaimanapun, anda haruslah memberitahu doktor tentang semua ubat yang anda makan atau yang anda bercadang untuk makan, termasuklah ubat yang anda peroleh tanpa preskripsi. Penting agar anda memberitahu doktor jika anda mengambil

- tambahan kalium
- agen pengekal kalium
- pengganti garam galian yang mengandungi kalium atau ubat- ubat lain yang boleh meningkatkan aras kalium di dalam serum (misalnya produk yang mengandungi *trimethoprim*)
- ubat tahan sakit dan ubat arthritis yang tertentu
- *litium* (ubat yang merawat sejenis kemurungan)
- jus limau gedang (yang harus dielakkan semasa mengambil COZAAR)

Walaupun COZAAR XQ mengandungi jumlah kalium yang sangat kecil, namun COZAAR XQ tidak boleh menggantikan makanan penambah kalium. Jika doktor memberi anda preskripsi bagi makanan penambah kalium, teruskan mengikut nasihatnya.

Cara menggunakan COZAAR XQ

Berapa banyak harus digunakan
Doktor akan menentukan dos COZAAR XQ yang sesuai, bergantung pada keadaan penyakit anda dan sama ada anda

sedang memakan ubat lain.

Bila perlu digunakan

Makanlah COZAAR XQ setiap hari, seperti yang telah diarahkan oleh doktor.

COZAAR XQ boleh dimakandengan atau tanpa makanan. Untuk kemudahan anda dan untuk membantu anda ingat, makanlah COZAAR XQ padawaktu yang sama setiap hari.

Berapa lama perlu digunakan

Penting agar anda terus memakan COZAAR XQ selagi doktor mengarahkannya supayatekanan darah anda dapat dikawal dengan baik.

Jika terlupa menggunakan

Makanlah COZAAR XQ setiap hari sebagaimana yang diarahkan. Walau bagaimanapun, jika anda terlupamemakan satu dos, jangan makan dos tambahan. Teruskansahaja jadual anda seperti biasa.

Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Sekiranya anda termakan dos yang berlebihan, hubungi doktordengan segera supaya rawatan perubatan boleh diberikan dengan serta-merta.

Semasa menggunakan COZAAR XQ

Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikutarahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahlifarmasi yang merawat andabahawa sedang mengambilCOZAAR.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika andamenjadi hamil

COZAAR[®] XQ[®]

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Amlodipine camsylate/losartan kalium (5/50 mg, 5/100 mg) tablet

semasa mengambil ubat ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi COZAAR dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Penggunaan semasa hamil dan semasa menyusukan anak dengan susu badan Penggunaan COZAAR XQ semasa anda hamil atau semasa anda menyusukan anak dengan susu badan tidak disyorkan. COZAAR XQ boleh menyebabkan kemudaratan atau kematian kepada bayi dalam kandungan. Berbincang dengan doktor anda tentang cara-cara lain untuk mengurangkan tekanan darah anda jika anda merancang untuk menjadi hamil. Jika anda menjadi hamil semasamakan COZAAR XQ, beritahu doktor anda dengan segera.

Penggunaan oleh kanak-kanak COZAAR XQ belum lagi pernah digunakan oleh kanak-kanak. Oleh itu, COZAAR XQ tidak boleh diberikan kepada kanak-kanak.

Penggunaan oleh warga tua COZAAR XQ sama mujarab dan boleh ditahan dengan sama baik oleh pesakit yang sudah tua mahupun oleh pesakit dewasa yang masih muda. Pesakit yang lebih berumur mungkin memerlukan dos permulaan ramuan amlodipina yang lebih

rendah berbanding dengan pesakit yang muda.

Bolehkah saya memandu atau mengendalikan jentera apabila saya sedang memakan COZAAR XQ?

Kesan sampingan pernah dilaporkan berlaku apabila menggunakan COZAAR XQ, yang mungkin menjejaskan kemampuan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Tindak balas setiap orang terhadap COZAAR XQ mungkin berbeza (lihatlah bahagian **Kesan-kesan sampingan**).

Kesan-kesan sampingan

Mana-mana ubat pun boleh memberikan kesan yang tidak dimaksudkan atau yang tidak diingini, yang digelar kesan sampingan. Sesetengah pesakit mungkin mengalami pening, sakit kepala, kelesuan, bengkak di dalam usus, rasa mengantuk yang kuat, gayang, merah muka (rasa suam atau panas pada muka), bengkak padakaki atau pergelangan kaki, sakitdada, aritmia (degupan jantung yang tidak sekata), palpitasi jantung (degupan jantung yang kencang), ruam, urtikaria, deria rasa yang berubah, sakit perut, loya, muntah-muntah atau kulit yang menjadi lebih sensitif terhadap matahari. Doktor atau ahli farmasi mempunyai senarai yang lebih lengkap. Beritahulah doktor atau ahli farmasi dengan segera tentang gejala ini atau tentang apa-apa gejala lain yang luar biasa.

Sesetengah pesakit mungkin juga mengalami aras kalium yang meningkat di dalam darah. Jika anda menghidap penyakit ginjal dan diabetes jenis 2 dengan protein di dalam air kencing, dan/atau anda memakan

makanan penambah kalium, agen pengekal kalium atau pengganti garam galian

yang mengandungi kalium, bincanglah dengan doktor.

Jika anda mengalami tindak balas alergi yang melibatkan bengkak pada muka, bibir, tekak dan/atau lidah yang boleh menyukarkan anda bernafas atau menelan, berhentilah memakan COZAAR XQ dan hubungilah doktor dengan segera.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan COZAAR XQ

Penyimpanan

Simpanlah COZAAR XQ pada suhu kurang daripada 30°C (86°F) dan jauhkan daripada lembapan.

Simpan di dalam bungkusannya yang asal. Jangan buka pek lepuhnya sehinggalah anda bersedia untuk memakan ubat tersebut.

Simpan semua ubat denganselamat dan jauh daripada kanak-kanak.

Pelupusan

Jangan makan ubat ini selepas bulan dan tahun yang ditunjukkan oleh empat angka selepas EX (atau EXP) yang tertulis pada bekas. Dua

COZAAR® XQ®

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Amlodipine camsylate/losartan kalium (5/50 mg, 5/100 mg) tablet

angkapangkal menunjukkan bulan, manakala dua angka hujung menunjukkan tahun.

juga mengandungi *iron oxide red* dan *iron oxide yellow*.

Maklumat lanjut

Number MAL:

COZAAR XQ 5/50 mg tablet:
MAL12025077ACRZ

Rupa dan warna produk

COZAAR XQ 5/50 mg : Tablet bujur berwarna putih dengan nombor '222' terukir pada sebelah dan kosong di sebelah lagi.

COZAAR XQ 5/100 mg tablet:
MAL12025078ACRZ

COZAAR XQ 5/100 mg : Tablet bujur berwarna merah jambu dengan nombor '331' terukir pada sebelah dan kosong di sebelah lagi.

Pengilang

Hanmi Pharma. Co., Ltd.

(Tapak Paltan)

893-5, Hajeo-ri, Paltan-myeon, Hwaseong-si, Gyeonggi-do, 445-913, South Korea.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

COZAAR XQ (*amlodipine camsylate/losartan kalium*) ialah tablet bersalut yang mengandungi bahan aktif *losartan kalium* dan *amlodipine camsylate* dengan gabungan yang berikut:

- tablet 5/50 mg: tablet bujur berwarna putih yang mengandungi *amlodipine camsylate* 7.84 mg (bersamaan dengan 5 mg *amlodipine*) dan *losartan kalium* 50 mg
- tablet 5/100 mg: tablet bujur berwarna merah jambu yang mengandungi *amlodipine camsylate* 7.84 mg (bersamaan dengan 5 mg *amlodipine*) dan *losartan kalium* 100 mg

Pemegang Pendaftaran Produk ORGANON MALAYSIA SDN. BHD.

3A-08-02, Level 8, Corporate Tower 3A, Pavilion Damansara Heights, No. 3, Jalan Damanlela 50490 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

14/10/2025 (versi 102024)

Nombor siri

NPRA (R1/4) 04012024/005

Bahan tidak aktif:

Selain itu, COZAAR XQ mengandungi bahan tidak aktif yang berikut: *butylated hydroxytoluene, sodium starch glycolate, microcrystalline cellulose, D-mannitol, povidone, crospovidone, magnesium stearate, hypromellose, hydroxypropylcellulose, titanium oxide, dan talc.*

COZAAR XQ 5/100 mg tablet